



Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI

Khamis, Disember 01, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A+ | EN | RU | AR

## BERITA »

### Serdang Angels cipta kejuaraan hatrik Kejohanan Ragbi Super 8 IPT 2016



Oleh: Nurulasyikin Tuan Mustapha dan Noorhidayah Abdul Latif

**SERDANG, 20 Nov** – Pasukan ragbi Universiti Putra Malaysia, Serdang Angels mengekalkan kejuaraan Kejohanan Ragbi Super 8 (IPT) apabila muncul juara edisi 2016, sekali gus mencipta kejuaraan hatrik kejohanan itu apabila menumpaskan UiTM Lions pada perlawanan akhir.

Serdang Angels mempamerkan aksi menarik untuk menundukkan UiTM Lions 49-27 pada Kejohanan Ragbi Super 8 ( IPT) 2016 itu yang diadakan di Stadium UPM Serdang.

Selepas mendahului 20-7 pada separuh masa pertama, Serdang Angels meneruskan momentum dengan melancarkan gerakan menarik meskipun cuba diberi tentangan oleh UiTM Lions.

Serdang Angels kekal fokus sepanjang aksi final untuk dinobatkan juara Kejohanan Ragbi Super 8 ( IPT) 2016.

Selaku juara, Serdang Angels menerima trofi dan wang tunai RM5,000. - UPM

RSS | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Notis Hakcipta | Peta Laman | Bantuan| Jumlah Pelawat :  
Paparan terbaik menggunakan Internet Explorer, Safari, Firefox, Google Chrome dengan resolusi 800 x 600 dan 1024 x 768 (S1)

@2013 Universiti Putra Malaysia  
Kemaskini Terakhir : 01 Dec 2016

